

## **Terma dan Syarat semasa menggunakan Portal *Supplier Self Service***

**1. Definisi.** Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan jika konteksnya menyatakan sebaliknya, kata dan ungkapan berikut akan membawa maksud berikut:

- (a) "Kontrak" bermaksud perjanjian yang ditandatangani di antara Anda dengan Kumpulan TNB dari semasa ke semasa;
- (b) "Data" bermaksud maklumat profil, butiran akaun pengguna, data transaksi, Dokumen dan data lain yang Anda hantar atau muat naik ke SUS;
- (c) "Dokumen" merujuk kepada obligasi pembelian dan penjualan yang mengikat yang dimuat naik atau dimuat turun dari SUS, termasuk tetapi tidak terhad kepada pesanan pembelian, invois elektronik, memo kredit, dan dokumen format data elektronik lain yang diperlukan untuk tujuan transaksi;
- (d) "*Supply Chain Management System*" atau "SCMS" bermaksud sistem yang membolehkan penggunaan proses perolehan dan pembelian secara automasi yang dikenali sebagai 'e-Perolehan';
- (e) "Portal *Supplier Self Service*" atau "SUS" adalah ciri utama dalam SCMS, yang membolehkan pembekal memperbaharui pendaftaran, menyelenggara dan mengemaskini maklumat dan maklumat profil, mengakses dan memberi maklumbalas kepada pesanan pembelian oleh Kumpulan TNB, menghantar invois elektronik dan menjelaki status pembayaran;
- (f) "Terma dan Syarat" bermaksud Terma dan Syarat ini ketika menggunakan Portal *Supplier Self Service* termasuk pengubahsuaian, variasi, pindaan atau penambahan seperti yang dikeluarkan secara bertulis dari semasa ke semasa oleh TNB;
- (g) "TNB" atau "Kumpulan TNB" merujuk kepada Tenaga Nasional Berhad (No. Syarikat 199001009294 (200866-W)), sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Pejabat Setiausaha Syarikat, Tingkat 2, Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad, No. 129, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia dan merangkumi anak-anak syarikat TNB;
- (h) "TNB" dan "Anda" secara kolektif disebut dalam Terma dan Syarat ini sebagai "Pihak-Pihak" dan secara berasingan sebagai "Pihak"; dan

- (i) "Anda" bermaksud pembekal yang berdaftar di Portal *Supplier Self Service* sebagai pembekal kepada Kumpulan TNB, dan setelah memperolehi kelulusan untuk mengakses ke SUS, didaftarkan sebagai pengguna sah SUS.

## 2. Penerimaan Terma dan Syarat

- (a) Akses dan penggunaan SUS oleh Anda tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Terma dan Syarat ini.
- (b) TNB berhak untuk mengubah Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Anda dengan menyiarkan (*posting*) Terma dan Syarat yang telah dipinda di SUS, dan pindaan tersebut akan berkuatkuasa serta merta. Sebarang pelanggaran Terma dan Syarat ini akan mengakibatkan penamatkan akses dan penggunaan SUS Anda. Anda bersetuju untuk mengambil maklum akan sebarang perubahan SUS secara berkala, termasuk versi Terma dan Syarat ini.
- (c) Anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini sebelum Anda dapat mengakses dan menggunakan SUS. Dengan mengakses dan menggunakan SUS, Anda memberikan jaminan dan berakujanji bahawa Anda telah diberi kebenaran dan kelulusan yang sewajarnya oleh syarikat dan/atau organisasi Anda untuk mengakses dan menggunakan SUS dan Anda seterusnya memberikan jaminan dan berakujanji bahawa semua butir-butir yang diberikan mengenai Anda adalah benar dan tepat dan Terma dan Syarat ini mengikat Anda.
- (d) Dengan mengakses SUS, Anda boleh menggunakan fungsi SUS yang sedia ada. TNB pada bila-bila masa boleh menambah, memadam atau mengubah fungsi atau mengenakan sekatan pada fungsi SUS yang sedia ada tanpa sebarang notis awal kepada Anda.
- (e) Pihak penerima akan memaklumkan pihak pemula sekiranya Dokumen yang diterima tidak dapat difahami, dengan syarat pihak pemula dapat dikenal pasti.

## 3. Obligasi dan Jaminan Anda.

Anda memberikan jaminan dan berakujanji bahawa Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya bagi:

- (a) memastikan bahawa Data yang dihantar, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang terkandung dalam Dokumen Anda sama ada didaftarkan oleh Anda atau bagi pihak Anda atau dihasilkan secara automatik, mematuhi semua undang-undang yang terpakai berhubung dengan bentuk, kandungan, ketepatan dan kesempurnaan Dokumen. Anda memberikan jaminan bahawa Data yang diberikan oleh Anda hendaklah dalam bentuk yang difahami. Sekiranya Data didapati dalam format yang

tidak dapat difahami, Anda hendaklah segera memberitahu Kumpulan TNB dan membuat pembetulan sewajarnya;

- (b) mematuhi peraturan tempatan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, peraturan mengenai percukaian, perakaunan, obligasi invois, kesan berkaitan dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST") atau lain-lain cukai tidak langsung dan tempoh penyimpanan data seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang). TNB akan menyimpan Data dan Dokumen Anda untuk tempoh minima tujuh (7) tahun setelah Kontrak tamat atau berakhir dan TNB boleh memusnahkan, melupuskan atau memadam semua **Data** dan Dokumen Andasama ada dalam bentuk bertulis, elektronik atau lain-lain atau media yang diberikan oleh Anda setelah tamat tempoh minima tersebut;
- (c) mematuhi semua keperluan, perundangan termasuk, tetapi tidak terhad kepada undang-undang privasi, pengguna serta undang-undang dan peraturan lain berhubung dengan penyediaan, penggunaan dan pendedahan Data dan Dokumen Anda;
- (d) memastikan bahawa invois elektronik yang dikeluarkan merupakan invois elektronik yang mematuhi undang-undang untuk tujuan organisasi Anda dalam wilayah atau bidang kuasa tertentu;
- (e) memastikan semua Dokumen sokongan yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam Kontrak diperakui sewajarnya oleh pegawai yang diberi kuasa oleh TNB dan dilampirkan untuk semua transaksi berkaitan yang dilakukan di SUS;
- (f) memastikan bahawa Data Anda lengkap, tepat, dikeluarkan tepat pada waktunya, tidak mengelirukan, tidak diusik dan paling terkini untuk memastikan pembayaran yang tepat. TNB tidak akan bertanggungjawab atas kelewatian pembayaran dan TNB berhak untuk menolak apa-apa Data sekiranya Anda tidak mematuhi obligasi ini; dan
- (g) memastikan kerahsiaan kata laluan berkaitan SUS dan Anda bertanggungjawab sepenuhnya kepada TNB untuk sebarang dan/atau semua aktiviti yang berlaku di bawah akaun Anda. Sekiranya Anda menyedari penggunaan kata laluan atau akaun Anda secara tidak sah, Anda hendaklah memaklumkan TNB dengan kadar segera. Anda hendaklah melindungi kata laluan Anda yang berkaitan dengan SUS dari sebarang akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau pendedahan tanpa sengaja kecuali kepada pengguna yang dibenarkan.

**4. Tanggungjawab Anda.** Anda adalah pengeluar invois elektronik yang diwujudkan di SUS. Anda bertanggungjawab ke atas obligasi undang-undang mengenai invois elektronik yang dihantar kepada TNB. Anda dengan ini berakujanji untuk:

- (a) mengisyiharkan kepada pihak berkuasa cukai yang berkenaan berhubung cukai yang dipungut bagi setiap invois elektronik; dan
- (b) membayar kepada pihak berkuasa cukai yang berkenaan.

## **5. Akses kepada Pegawai Cukai dan Pihak Berkuasa Berkaitan.**

- (a) Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberi akses SST yang telah dikeluarkan atas nama Anda atau bagi pihak Anda kepada pihak berkuasa cukai.
- (b) Anda boleh memberikan Data Anda yang dijana daripada SUS kepada pihak berkuasa cukai untuk tujuan audit.
- (c) Anda juga memberikan persetujuan mutlak yang tidak boleh ditarik balik dan persetujuan tanpa syarat kepada TNB untuk mendedahkan Data Anda kepada mana-mana pihak berkuasa apabila diminta oleh pihak berkuasa berkaitan.

## **6. Kerahsiaan Data.**

- (a) TNB mengambil maklum sifat sensitif Data yang Anda hantar melalui SUS. TNB bersetuju untuk menggunakan usaha yang wajar untuk menjaga, melindungi, dan tidak menggunakan atau mendedahkan Data Anda kecuali sekiranya diperlukan untuk memudahkan penggunaan SUS oleh Anda. Anda hanya boleh menggunakan maklumat dan kandungan yang terdapat di SUS dan maklumat sulit TNB hanya untuk tujuan Terma dan Syarat ini sahaja. Pihak-Pihak hendaklah memastikan bahawa semua pekerja, pekhidmat, penasihat atau ejen Pihak-Pihak yang mengakses, mendapat atau didedahkan kepada apa-apa maklumat, kandungan, maklumat sulit, Dokumen dan/atau Data mematuhi obligasi kerahsiaan ini.
- (b) Larangan pendedahan atau penggunaan maklumat tidak akan terpakai kepada maklumat yang:
  - (i) sudah diketahui oleh satu Pihak sebelum pendedahan oleh Pihak lain;
  - (ii) adalah atau menjadi pengetahuan awam tanpa kesalahan Pihak lain;
  - (iii) berhak diterima atau diketahui secara sah daripada pihak ketiga tanpa kewajipan kerahsiaan;
  - (iv) dihasilkan secara sendirian oleh Pihak lain;
  - (v) didedahkan di bawah operasi undang-undang (iaitu, sebagai respons kepada sapina, arahan kerajaan atau peraturan, atau seumpama dengannya); atau

- (vi) didedahkan oleh satu Pihak dengan persetujuan bertulis oleh Pihak satu lagi.
- (c) Semua maklumat yang Anda berikan kepada TNB hendaklah tepat (sebagai contoh, nama dan alamat Anda). Nama syarikat yang diberikan oleh Anda hendaklah merupakan sebuah entiti undang-undang yang sah, mempunyai nombor pengenalan cukai berdaftar dan hendaklah beroperasi di alamat yang Anda nyatakan. Anda bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat tersebut, hendaklah memaklumkan TNB dengan kadar segera dan membuat perubahan sewajarnya dengan log masuk ke akaun Anda untuk memberikan maklumat yang sah kepada TNB di SUS.
- (d) Data, Dokumen dan/atau kandungan SUS yang lain adalah sulit. Anda tidak boleh mendedahkan kandungannya kepada orang lain, atau menghasilkan, mengambil atau menyebarkan salinannya.

## **7. Sistem Integriti, Integriti Data dan Penyimpanan Data.**

- (a) Anda bersetuju bahawa Anda tidak akan:
  - (i) mengganggu atau melakukan cubaan untuk mengganggu proses kerja SUS;
  - (ii) mengakses atau melakukan cubaan mengakses sebarang data atau maklumat pihak ketiga dalam SUS dengan apa cara sekalipun;
  - (iii) menyiarkan atau menghantar kepada SUS apa-apa Data atau Dokumen yang menyalahi undang-undang, berbentuk penipuan, menimbulkan gangguan, fitnah, atau berbaur lucah;
  - (iv) menghantar atau mengirim ke SUS sebarang Kandungan yang mengandungi virus, pepijat (*bug*), *cancelbot*, cecacing (*worm*), kuda Trojan (*Trojan Horse*) atau item berbahaya lain; atau
  - (v) mengakibatkan bebanan besar Data atau Dokumen yang tidak munasabah atau berlebihan yang dimuatnaik ke SUS. Sekiranya Anda melanggar perkara ini, Anda akan dimaklumkan dan berpeluang untuk membuat pembetulan. Oleh kerana kebanyakan Data di SUS akan dihantar oleh pihak ketiga atau Anda, Anda juga memahami bahawa TNB tidak memberi jaminan bahawa Kandungan tersebut akan bebas daripada serangan virus, cecacing (*worms*), kuda Trojan (*Trojan Horses*) atau kod lain atau kandungan yang bersifat merosakkan. TNB bersetuju untuk tidak menyiarkan (*posting*) atau mengirim dengan sengaja sebarang fail yang mengandungi virus, pepijat, *cancelbot*, cecacing, kuda Trojan atau item berbahaya yang lain ke SUS. Kumpulan TNB mahupun pihak ketiga tidak memberi jaminan bahawa Anda akan mempunyai

akses berterusan atau tanpa gangguan ke SUS, atau sebarang fungsi SUS akan bebas daripada kesilapan/kesalahan.

- (b) Anda selanjutnya bersetuju bahawa Anda tidak akan:
- (i) membuat apa-apa tindakan (*work around*) yang berlanggaran dengan larangan teknikal dalam SUS;
  - (ii) melakukan apa-apa tindakan seperti kejuruteraan undur (*reverse engineer*), menyusun semula (*decompile*) atau mengubah (*disassemble*) SUS, kecuali dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, walaupun terdapat larangan di atas;
  - (iii) membuat salinan SUS sama ada dalam bentuk kod sumber atau kod objek;
  - (iv) menerbitkan sebarang perisian, termasuk aplikasi pemprograman antarmuka (*application programming interfaces*) yang dinyatakan dalam SUS, untuk pihak lain membuat salinan;
  - (v) berkongsi atau menyebarkan Data atau Dokumen, teks atau gambar yang diwujudkan atau dicipta menggunakan ciri-ciri SUS;
  - (vi) menyewa, memajak atau meminjamkan perisian SUS;
  - (vii) menggunakan perisian SUS untuk perkhidmatan pengehosan (*hosting*) perisian komersial; dan
  - (viii) menghapus, meminimakan, menyekat atau mengubah apa-apa logo, tanda dagangan, hak cipta, jalur tanda air digital (*digital watermarks*), atau notis lain dari pihak ketiga yang menyediakan kandungan atau pemberi lesen yang dinyatakan dalam SUS, termasuk kandungan sedia ada yang diberikan kepada Anda menerusi SUS.
- (c) Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyimpan semua Data Anda. Anda hendaklah mengambil langkah proaktif untuk menyimpan Data Anda di dalam komputer Anda sendiri untuk menjaga kebolehaksesan Data tersebut.
- (d) Anda bersetuju untuk tidak melakukan ujian beban atau ujian pencerobohan pada SUS.

## **8. Jaminan**

- (a) SUS disediakan atas dasar "seperti adanya" dan "seperti sedia ada" tanpa apa-apa jaminan dalam bentuk apa pun, sama ada tersurat atau tersirat termasuk tetapi tidak

terhad kepada jaminan hak milik atau jaminan tersirat mengenai kebolehdagangan untuk tujuan tertentu, ketepatan, ketepatan masa atau kelengkapan, selain dari jaminan yang tersirat dan jaminan yang tidak boleh dikecualikan, sekatan atau pengubahsuaian berdasarkan undang-undang yang terpakai bagi Terma dan Syarat ini. TNB menolak apa-apa dan segala jenis tanggungjawab atau liabiliti berhubung dengan ketepatan, ketepatan masa, kandungan, kesempurnaan, kesahan, kebolehpercayaan, atau kebolehoperasian atau ketersediaan maklumat atau material dalam SUS.

- (b) Anda dengan jelas bersetuju bahawa akses dan penggunaan SUS adalah di bawah risiko Anda sendiri. Kumpulan TNB atau pengarah, pemegang saham, pekerja, ejen, pihak ketiga yang menyediakan kandungan atau pemberi lesen masing-masing tidak menjamin bahawa SUS tidak akan terganggu atau bebas daripada kesilapan, kesalahan, atau sebarang kecacatan dalam SUS akan diperbaiki, atau SUS bebas daripada virus atau lain-lain unsur berbahaya.

## **9. Had Liabiliti**

- (a) Walaupun segala langkah-langkah telah diambil oleh Kumpulan TNB dalam penyediaan SUS, TNB tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Anda atau pihak ketiga disebabkan akses dan penggunaan SUS sama ada ianya berpunca daripada gangguan, penggantungan, atau penamatian SUS atau sebaliknya, ketepatan kandungan atau kualiti maklumat yang sedia ada yang diterima atau dihantar melalui SUS, atau disebabkan oleh pendedahan yang tidak sengaja atau sebaliknya berkenaan apa-apa informasi Data Anda.
- (b) Dalam apa jua keadaan sekali pun, TNB tidak akan bertanggungjawab kepada Anda bagi apa-apa kerosakan atau mana-mana orang atau entiti yang terlibat dalam membuat, menghasilkan atau menyebarkan kandungan SUS termasuk, tetapi tidak terhad kepada kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, sampingan, istimewa, kerosakan berbangkit atau punitif dari penggunaan atau ketidakupayaan penggunaan SUS. Anda dengan ini mengakui bahawa peruntukan seksyen ini adalah terpakai untuk semua kandungan di SUS.
- (c) Kumpulan TNB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau kecederaan yang disebabkan oleh kegagalan prestasi, kesalahan, peninggalan, gangguan, penghapusan, kecacatan, kelewatan operasi atau penghantaran, virus komputer, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau pemusnahan atau akses tanpa izin, perubahan, atau penggunaan rekod, sama ada kerana melanggar kontrak, kecuaian atau tingkah laku tort, atau di bawah kausa tindakan lain. Anda mengakui bahawa TNB tidak bertanggungjawab atas tindakan memfitnah, menyinggung atau menyalahi undang-undang oleh pihak lain atau pihak ketiga dan bahawa risiko kecederaan dari yang dinyatakan di atas terletak sepenuhnya di bawah tanggungjawab Anda.

## **10. Tanggung rugi oleh Anda**

Anda berakujanji untuk mempertahankan dan membayar ganti rugi Kumpulan TNB, *affiliates* dan pengarah, pemegang saham, pekerja, ejen atau sub-kontraktor daripada dan terhadap apa-apa kerugian, liabiliti, kerosakan, tuntutan, kos atau perbelanjaan (termasuk, tetapi tidak terhad kepada sebarang fi undang-undang dan perbelanjaan lain) yang dituntut oleh mana-mana pihak ketiga disebabkan atau berpunca secara langsung atau tidak langsung atau yang mungkin berpunca daripada akses dan penggunaan SUS oleh Anda yang berlanggaran dengan Terma dan Syarat ini atau berlanggaran dengan hak pihak ketiga, atau penggunaan SUS oleh Anda dan/atau pelanggaran harta intelek dan/atau pelanggaran hak milik lain oleh Anda. Sebarang pelanggaran Terma dan Syarat ini akan memberikan hak kepada Kumpulan TNB untuk menuntut semuaremedi di bawah undang-undang dan ekuiti bagi pelanggaran tersebut, termasuk menghalang Anda daripada terus menggunakan dan mengakses SUS.

## **11. Harta Intelek.**

- (a) Anda mengakui dan bersetuju bahawa TNB dan pihak ketiga yang berkaitan memiliki hak harta intelek tertentu atau hak milik lain yang terdapat dalam SUS atau dalam apa-apa penggunaan yang berhubung dengan SUS, sistem SUS dan/atau mana-mana bahagiannya, dan Anda berjanji bahawa Anda tidak akan pada bila-bila masa dengan apa-apa cara sekalipun, mempersoalkan atau mempertikaikan hak pemilikan oleh TNB dan/atau pihak ketiga yang berkaitan.
- (b) Anda juga berakujanji bahawa Anda tidak akan menyalahgunakan atau membenarkan penyalahgunaan hak harta intelek dan hak milik lain yang dimiliki oleh TNB atau pihak ketiga berkaitan dengan melakukan, cubaan untuk melakukan atau membantu mana-mana pihak ketiga untuk melakukan atau cubaan untuk melakukan apa-apa aktiviti yang meceroboh atau boleh menceroboh hak TNB atau pihak ketiga berkaitan, dengan apa-apa cara sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada membuat salinan, perubahan, penerbitan semula, penyesuaian, penterjemahan, penyusunan atau menyediakan kepada mana-mana pihak ketiga lain dengan apa-apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung, SUS, sistem SUS atau mana-mana bahagian kandungannya (termasuk mana-mana material elektronik yang diperlukan untuk pengoperasian) kecuali setakat dan selama anda dibenarkan untuk melukannya selaras dengan Terma dan Syarat ini.
- (c) Anda juga mengakui bahawa penalti sivil dan jenayah mungkin dikenakan terhadap Anda sekiranya terdapat pelanggaran hak cipta dan/atau hak lain yang berkaitan SUS, sistem SUS atau kandungannya dan bahawa pelanggaran sedemikian oleh pengguna boleh mengakibatkan kerosakan dan/atau kerugian yang tidak dapat dihitung kepada TNB, dan dengan itu Anda bersetuju bahawa, selain hak atau remedai lain untuk TNB, TNB berhak mendapatkan pelepasan injunksi untuk menghalang sebarang pelanggaran yang sebenar atau yang disangka pelanggaran.

## **12. Penamatan oleh TNB**

- (a) TNB boleh, mengikut budi bicara mutlaknya dan tanpa notis awal, menambah, menghapus, mengubah, menggantung, menamatkan atau menghentikan sebarang atau semua fungsi yang ditawarkan oleh SUS atau mengenakan sekatan fungsi SUS. Sebagai tambahan, TNB boleh menamatkan akses atau penggunaan SUS Anda tanpa liabiliti, termasuk kandungan yang Anda sediakan atau diantar oleh Anda, sekiranya pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlak TNB dan tanpa batasan, jika:
- (i) Anda melanggar Terma dan Syarat seperti yang disiarkan atau dipinda dari semasa ke semasa di SUS dengan apa-apa cara sekalipun;
  - (ii) TNB tidak dapat mengesahkan apa-apa maklumat yang Anda berikan kepada TNB melalui SUS, portal lain atau sebaliknya;
  - (iii) sekiranya TNB percaya bahawa Anda telah melanggar atau bertindak secara tidak konsisten atau menjelaskan reputasi atau obligasi TNB;
  - (iv) Anda mempertikaikan atau cuba mengubah mana-mana Terma dan Syarat ini atau penggunaannya oleh TNB; atau
  - (v) Anda telah disenarai hitam atau dibatalkan pendaftarannya sebagai pembekal kepada Kumpulan TNB.
- (b) Setelah penamatan oleh TNB, TNB berhak untuk:
- (i) mengumpul semua caj, fi, komitmen dan obligasi yang ditanggung atau terakru oleh TNB;
  - (ii) memadam apa-apa kandungan, senarai, mesej atau maklumat lain yang berkaitan dengan penggunaan SUS oleh Anda sebelum penamatan oleh TNB;
  - (iii) melarang Anda dari terus mengakses ke SUS, termasuk tanpa batasan dengan menyahaktifkan kata laluan; dan
  - (iv) menghalang Anda dari terus mengakses ke laman web atau portal yang berkaitan (sekiranya terpakai).
- (c) Dalam apa juu keadaan sekali pun TNB tidak akan mengembalikan atau membayar apa-apa kos kepada Anda atau mengembalikan apa-apa kandungan kepada Anda setelah penamatan akses SUS.

- (d) Walau apa pun yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, TNB boleh pada bila-bila masa menamatkan, menggantung atau menghentikan SUS dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis awal bertulis kepada Anda dan TNB boleh memberikan Anda akses ke SUS untuk memuat turun sebarang Data dalam tempoh tiga puluh (30) hari tersebut.

### **13. Konflik**

Sekiranya terdapat sebarang konflik dan percanggahan peruntukan dan interpretasi maksud antara Terma dan Syarat dalam Bahasa Inggeris dengan Terma dan Syarat ini dalam Bahasa Malaysia, Terma dan Syarat dalam Bahasa Inggeris adalah terpakai.